| Publication | MalaysiaGazette | Section / Page | Online | Date | 22/12/2021 |
|---|---|---|---|---|---|
| Headline | Takaful Malaysia Tawar Khidmat Tunda Percuma | | | | |

KUALA LUMPUR – Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad (Takaful Malaysia), menyediakan perkhidmatan tunda percuma ke bengkel terdekat khusus untuk pelanggan takaful motor persendirian komprehensif yang terjejas akibat banjir di seluruh negara.



**Mohamed Sabri Ramli**

Sebagai sebahagian daripada inisiatif syarikat dalam menyediakan bantuan segera serta memudahkan proses bantuan kepada pemegang sijilnya, para pelanggan boleh berhubung melalui WhatsApp, kata Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad, Mohamed Sabri Ramli.

"Kami mempunyai pengalaman secara langsung berurusan dengan pelanggan yang terjejas akibat banjir. Disebabkan itulah, kami benar-benar memahami betapa dasyat impak terhadap kehidupan pelanggan yang bergelut dengan pasca bencana alam tersebut.

"Maka, inisiatif yang kami tawarkan melalui perkhidmatan tunda percuma ke bengkel terdekat kepada pelanggan bagi meringankan bebanan kewangan dan kebimbangan mereka pada masa yang mencabar ini," katanya.

Pelanggan hanya perlu menghubungi talian bantuan Tele Bantuan 24 jam syarikat di 1800-888-788 atau memaklumkan melalui WhatsApp di 019-629 2680.

Pelanggan kami boleh segera memaklumkan tuntutan takaful motor mereka melalui WhatsApp dan syarikat akan mengaturkan serta mempercepatkan proses tuntutan tersebut," jelas beliau. – MalaysiaGazette